



BULETIN

UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.2 Februari 2022 | ISSN 2232-0415



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

www.uthm.edu.my



Majlis Perwakilan Pelajar UTHM sesi 2021/2022 terima waticah pelantikan

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe
UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



BULETIN
UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ISI KANDUNGAN

- 1 Majlis Perwakilan Pelajar UTHM sesi 2021/2022 terima watikah pelantikan
- 2 "Bang Man" viral dah konvo!
- 3 Diuji kesempitan hidup, Ibu muda nekad habiskan pengajian
- 4 SWIDWEB guna BSFL kitar semula sisa makanan jadi baja organik
- 5 FKMP UTHM promosi program pascasiswazah di tiga negeri
- 6 FPTV tarik perhatian industri, bakal jadi Pusat Latihan Teknologi Refrigerant dan Penyaman Udara?
- 7 Atlet UTHM menyerlah di Kejohanan Sukan MAKSAK Johor 2022
- 8 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my



Majlis Perwakilan Pelajar UTHM sesi 2021/2022 terima watakah pelantikan



Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi, pelajar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik sebagai Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2021/2022 ketika berlangsungnya Mesyuarat Pembentukan Kabinet yang diadakan pada 16 Januari lalu.

Rentetan itu, satu Majlis Watakah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2021/2022 dan Penyampaian Sijil Penghargaan Pelajar telah diadakan di Hotel Summit Signature, Batu Pahat pada 12 Februari lalu.

Majlis ini bertujuan untuk menyerahkan watakah Pelantikan kepada Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022 yang baharu sahaja dipilih semasa pemilihan MPP yang diadakan pada 12 Januari 2022 lalu.

Pada majlis tersebut, mantan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/21 dan

barisan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022 juga turut diberikan sijil penghargaan.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Ismail dan Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Haszrinaz Husain @ Hashim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan daripada kumpulan Tarian Irwana Tari gabungan bersama Alumni UTHM dan QustiQ Buskers, gabungan bersama staf Pusat Kebudayaan UTHM.

Ketika proses pemilihan MPP berlangsung, seramai 10,138 pelajar iaitu 63.36 peratus daripada keseluruhan 16,330 pelajar yang layak telah mengundi secara dalam talian.

Manakala 73 calon telah bertanding untuk merebut 34 buah kerusi, yang

mana sembilan kerusi adalah bagi kerusi 'Umum' dan 25 adalah kerusi 'Fakulti.'

Kesemua kerusi yang dipertandingkan meliputi kampus induk Parit Raja dan kampus cawangan Pagoh.

Sementara itu, Datuk Wahid dalam ucapannya berharap barisan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM sesi 2021/2022 yang baharu ini dapat meneruskan kesinambungan kepimpinan sebelumnya, sekali gus mampu mengukir kejayaan yang lebih bermakna buat universiti.

"Ini kerana mereka merupakan mata dan telinga pihak pengurusan universiti terutamanya dari segi kebajikan dan kesejahteraan pelajar yang mana mereka perlu bersama-sama terlibat dalam urus tadbir universiti (co-manage)," katanya.

“Bang Man” viral dah konvo!

Muhammad Aiman Salim atau lebih dikenali dengan nama “Bang Man,” graduan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melahirkan rasa syukur kerana impiannya untuk naik ke pentas akhirnya tercapai.

Anak muda yang makin dikenali di media sosial ini menerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat pada sidang pertama Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020 sempena Konvokesyen ke-20 UTHM yang berlangsung hari ini di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Hanya mahu dikenali sebagai content creator, Aiman, 26 yang menggunakan akaun dengan nama @bangman30 atau @aimansalim_ ini kini mempunyai ratusan ribu pengikut di *Instagram*, *Tik Tok* dan *Twitter*.

Menurut Aiman, untuk menjadi seorang *content creator* yang dikenali, dia sememangnya memerlukan masa, tenaga dan komitmen yang tinggi.

“Saya menjadi *content creator* sejak mula mendaftarkan diri sebagai pelajar program diploma lagi.

“Berebalkan minat dan sedikit ilmu, saya mengambil peluang menggunakan saluran media sosial yang ada untuk menjana pendapatan sendiri.

Tambah Aiman, dia perlu bijak membahagikan masa sehari-hari agar tanggungjawabnya sebagai pelajar tidak terabai.



“Saya cuba selesaikan kelas dan tugas di sebelah siang, manakala pada sebelah malam saya lakukan kerja-kerja untuk media sosial pula,” jelas Aiman.

Aiman menyeru kepada bakal-bakal graduan di luar sana untuk mencuba pelbagai peluang yang ada selain kerja makan gaji.

“Buat kawan-kawan di luar sana, jika anda rasa ada bakat yang ingin diketengahkan, jangan segan untuk tonjolkan di media sosial kerana saluran ini sangat berpotensi untuk dijadikan sumber rezeki.

“Ini kerana pengguna akaunnya sangat ramai dan promosi boleh dilakukan dengan lebih meluas bergantung kepada kreativiti dan kesungguhan masing-masing,” katanya.

Untuk rekod, seramai 4001 orang graduan layak menerima sijil masing-masing setelah berlangsungnya Istiadat Perisytiharan Penganugerahan Ijazah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-20 UTHM sebelum ini yang diadakan pada 8 November 2020 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.



Diuji kesempitan hidup, Ibu muda nekad habiskan pengajian



Pernah berputus asa untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah, Nurul Atiqa Noor Bi, graduan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akhirnya bangkit semula demi memastikan masa depan bersama anaknya lebih terjamin.

Atiqa merupakan salah seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian yang turut menerima ijazah ketika berlangsungnya Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020 sempena Konvokesyen ke-20 UTHM.

“Saya berkahwin pada usia yang agak muda, malangnya jodoh saya berakhir selepas melahirkan anak pada tahun 2017.

“Saya masih ingat sewaktu kandungan berusia tujuh bulan, saya berulang alik ke kelas setiap hari menaiki bas loceng sejauh 20 kilometer.

“Selepas berpisah, pada awalnya saya hanya menangguhkan pengajian untuk satu semester sahaja, tetapi disebabkan rasa putus asa, saya bercadang untuk menamatkan sahaja pengajian di UTHM,” katanya.

Tambahnya lagi selepas bercuti selama setahun, dia mula mengubah fikiran dan kembali

menyambung semula pengajian untuk tahun yang ketiga.

Namun pada ketika itu, dia sentiasa kesempitan wang untuk menampung pengajian dan membesarkan anak seorang diri.

“Mujur UTHM ada menyediakan beberapa bentuk bantuan untuk menjaga kebajikan pelajarinya, maka dapatlah saya mohon zakat untuk membayar separuh daripada yuran pengajian,” katanya.

Kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari memaksa Atiqa mencari alternatif lain untuk menjana pendapatan sampingan.

“Saya mula berniaga kecil-kecilan di kawasan kampus namun hasil pendapatan tidak dapat menampung yuran pengajian, makan minum dan tambang bas pergi dan balik.

“Maka saya mengambil inisiatif untuk bekerja sambil di sebuah pawagam berdekatan, bermula pukul 7 malam sehingga 2 pagi.

“Adakalanya saya tidak dibayar gaji mengikut masa yang dijanjikan, menyebabkan urusan seharian saya agak terganggu dek kesempitan wang,” ceritanya lagi.

Walaupun pelbagai dugaan datang menimpa, berkat sokongan tanpa jemu daripada keluarga, pihak fakulti, para pensyarah dan rakan-

rakan di UTHM, Atiqa akhirnya nekad mahu menghabiskan juga pengajiannya.

“Saya sangat berterima kasih kepada keluarga, arwah bapa saudara dan rakan sekelas yang banyak membantu saya satu ketika dahulu kerana tanpa mereka mungkin saya tidak lagi meneruskan pengajian di UTHM,” katanya.

Atiqa kini berkhidmat sebagai perunding hartanah di sebuah syarikat di Batu Pahat.

“Akhirnya kepayahan saya menuntut ilmu dahulu telah membentuk siapa saya hari ini.

“Saya menjadi seorang yang lebih tabah, kuat, berdikari dan berkebolehan sehingga mampu membantu keluarga dan membesarkan permata hati saya tanpa mengenal erti lelah,” katanya.



SWIDWEB guna BSFL kitar semula sisa makanan jadi baja organik

Swidweb Solutions, syarikat terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama SWM Environment Sdn. Bhd. Johor mengambil inisiatif mengumpul sisa makanan daripada komuniti setempat dan juga restoran berhampiran bagi membantu mengurangkan sisa makanan terbuang di tapak pelupusan sampah.

Bagi mengitar semula sisa makanan, sekumpulan penyelidik UTHM telah menggunakan teknik Black Soldier Fly Larva (BSFL) untuk menghasilkan baja organik yang lebih mesra alam.

Terdahulu pada tahun 2021, seramai 100 peserta telah menyertai program pengumpulan sisa ini dan mereka berjaya mengumpul kira-kira 15000 kilogram sisa makanan untuk dikompos lalu dijadikan baja organik.


Menurut ketua projek, Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin Zainun BSF adalah spesies serangga yang pada awalnya diakui sebagai sumber protein alternatif untuk makanan haiwan.

“Namun begitu kajian juga menunjukkan ia dapat membantu dalam proses penguraian sisa makanan untuk menghasilkan baja organik berkualiti bagi kegunaan bercucuk tanam dan komersial.

“Penggunaan BSFL untuk proses penguraian sisa makanan dan menjadikannya baja organik merupakan kaedah yang dikesan paling selamat dan mesra alam,” jelas Dr. Yasmin.

Proses penghasilan baja kaedah BSFL ini sangat membantu untuk kelestarian alam sekitar dan boleh mengurangkan pencemaran dari sisa buangan makanan. Kepada mereka yang berminat untuk

mendapatkan baja organik ini, bolehlah hubungi melalui email nryasmin@uthm.edu.my atau melalui talian 0108620444.



FKMP UTHM promosi program pascasiswazah di tiga negeri



ZZUI
10 Feb 2022, 12:36



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Jabatan Pengajian Siswazah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah mengadakan 'Roadshow Promosi Program Pascasiswazah' di beberapa buah Politeknik disekitar Kelantan, Terengganu dan Johor.

Program yang diketuai Dekan FKMP, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Bukhari Manshoor bersama Ketua Jabatan Pengajian Siswazah, Ts. Dr. Reazul Haq Abdul Haq ini merupakan inisiatif bersama Pusat Pembelajaran Terus dan APEL UTHM yang ingin memperkenalkan kemasukkan ke program pascasiswazah melalui kelayakan APEL.

Program selama empat hari yang bermula pada 8 Februari 2022 bertempat di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun diikuti pula pada 9 Februari di Politeknik Kuala Terengganu.

Roadshow seterusnya ke Politeknik Kota Bharu, Kelantan pada 10 Februari 2022 dan berakhir di Politeknik Ibrahim

Sultan di Pasir Gudang pada 16 Februari 2022.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah diperkenalkan dengan program-program pascasiswazah yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) serta segala perincian dan keunikan program-program tersebut bermula dari syarat kemasukkan sehinggalah ke yuran pengajian termasuk.

Menurut Dr. Reazul Haq, program promosi ini mendapat sambutan yang mengalakkan daripada peserta yang terdiri daripada staf politeknik dan individu setempat yang berminat untuk menyambung pengajian.

"Melalui taklimat serta sesi soal jawab yang diadakan, peserta berpeluang mendapat maklumat yang lengkap dan mendalam, terutamanya syarat kemasukkan melalui kelayakan APEL.

Tambah beliau, roadshow kali ini berjaya mencapai objektifnya yang mana pendedahan berkaitan program pascasiswazah di sekitar

Kelantan, Terengganu dan Johor dapat diperkenalkan bersama program yang ada di FKMP.

"Pihak kami amat berharap melalui pendekatan ini, jumlah kemasukkan pelajar ke program pascasiswazah akan meningkat seperti yang ingin dicapai," katanya.

"Melalui taklimat serta sesi soal jawab yang diadakan, peserta berpeluang mendapat maklumat yang lengkap dan mendalam, terutamanya syarat kemasukkan melalui kelayakan APEL"



FPTV tarik perhatian industri, bakal jadi Pusat Latihan Teknologi Refrigerant dan Penyaman Udara



Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima kunjungan daripada pihak industri bagi membincangkan hasrat untuk menjadikan fakulti ini sebagai pusat latihan berkaitan teknologi refrigerant dan penyaman udara.

Kunjungan tersebut melibatkan delegasi dari Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd (PAPAMY), Panasonic Appliances Air Conditioning R&D Malaysia Sdn. Bhd (PAPARADMY), SEIMEI Engineering Co. Ltd Japan dan SEIMEI Engineering (M) Sdn Bhd pada 9 Februari lalu.

Delegasi Panasonic diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Korporat dan Sumber Manusia & Bahagian Hal Ehwal Kemudahan & Kebajikan, Hajah Junira Johan manakala delegasi SEIMEI Engineering yang diketuai oleh Ketua Pegawai Esekutifnya, Suzuki Hiroaki.

Perbincangan tersebut berfokuskan kepada hala tuju dan perancangan menjadikan FPTV sebagai Pusat Latihan dan Kelengkapan R290 (Propane) Refrigeran Mudah Bakar (Kelas

A3) bagi Penyaman Udara.

Menurut Ketua Jabatan Pengajian Teknologi FPTV, Ts. Dr Bekri Abd Rahim dalam pertemuan itu juga, pihak Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia berminat untuk menjadikan FPTV sebagai pusat latihan dan penyelidikan kepada staf mereka berkenaan teknologi refrigerant dan penyaman udara.

“Perbincangan tiga penjurong ini sekali gus memberikan impak kepada perkembangan fungsi FPTV yang akan dijadikan pusat latihan dan pada masa yang sama fakulti juga akan mendapat sokongan daripada pihak SEIMEI Engineering Co. Ltd Japan dan SEIMEI Engineering (M) Sdn Bhd,” katanya.

Perkara lain yang turut sama dibincangkan antaranya peluang bagi membangunkan pusat latihan di Kilang Panasonic Malaysia di Shah Alam, penyediaan kepada penempatan pensyarah FPTV dalam menjalankan program sangkutan industri, penempatan latihan industri bagi pelajar FPTV dan memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan kedua-dua industri.

Turut hadir semasa perbincangan dibuat, Dekan FPTV, Profesor Madya Ts. Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq, ahli pengurusan fakulti serta Pensyarah Program Penyekjukkakuan dan Penyaman Udara.

Delegasi yang hadir turut dibawa melawat fasiliti kelengkapan Latihan dan Teknologi R290 (Propane) Refrigeran Mudah Bakar (Kelas A3) bagi penyaman udara yang terdapat di FPTV.

“Perbincangan tiga penjurong ini sekali gus memberikan impak kepada perkembangan fungsi FPTV yang akan dijadikan pusat latihan dan pada masa yang sama fakulti juga akan mendapat sokongan daripada pihak SEIMEI Engineering Co. Ltd Japan dan SEIMEI Engineering (M) Sdn Bhd,” katanya.



Atlet UTHM menyerlah di Kejohanan Sukan MAKSAK Johor 2022



Kejohanan Sukan MAKSAK Johor 2022 yang berlangsung di Stadium Olahraga Mount Austin, pada 29 Januari lalu menyaksikan atlet Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membawa pulang tujuh pingat Emas, tiga Perak dan dua Gangsa.

UTHM diwakili 10 atlet yang diuruskan oleh Ismade Niam dari Pusat Pengajian Diploma selaku pengurus pasukan.

Menurut Ismade, jumlah kutipan pingat ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan bagi pasukan UTHM walaupun para atletnya hanya berlatih sendiri tanpa kehadiran jurulatih.

Bagi Pasukan Olahraga Staf UTHM, pingat Emas diraih oleh Ts. Dr. Mahyuzie Jenal dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi acara Lontar Peluru Lelaki dan Lempar Cakera Lelaki Kategori Junior Veteran, manakala Ismahani Shamsudin dari Pusat Teknologi Maklumat memenangi Emas bagi acara Lontar Peluru Perempuan dan Lempar Cakera Perempuan Kategori Junior Veteran.

Sementara itu, Noradzuana Samiran dari Unit Audit pula

meraih Emas bagi acara 3000 meter Kategori Junior Veteran, Suhailah Muhammad Philip dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi acara Lontar Peluru Senior Veteran, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina bagi acara 100 meter Senior Veteran.

Bagi pingat Perak pula, Muhammad Adzlin Selamat dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bagi Acara 400 Meter Lelaki Terbuka, Ahmad Syakir Mohammad Jamil bagi acara 1500 Meter Kategori Terbuka dan Suhailah Muhammad Philip bagi acara Lempar Cakera Kategori Senior Veteran.

Manakala pingat Gangsa pula diraih oleh Muhammad Adzlin Selamat dari FTK bagi acara 1500 meter Lelaki Terbuka dan Dr. Aslam Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan bagi acara 3000 meter Lelaki Kategori Junior Veteran.

Penganjuran MAKSAK JOHOR disertai oleh Anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun di negeri Johor.

Selain UTHM, kejohanan ini turut disertai oleh Jabatan


Imigresen Negeri Johor, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Jabatan Kesihatan Johor, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Pengairan dan Saliran Johor serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kejohanan Sukan MAKSAK Johor 2022 merupakan acara pemilihan rasmi untuk mengenal pasti atlet untuk mewakili Johor di Kejohanan Sukan MAKSAK Kebangsaan 2022 yang akan berlangsung di Stadium Olahraga Mount Austin.

Atlet UTHM yang terpilih bagi Kejohanan Sukan MAKSAK Kebangsaan 2022 yang dijadualkan pada bulan Jun ini adalah Ts. Dr. Mahyuzie Jenal, Ismahani Shamsudin, Suhailah Muhammad Philip, Noradzuana Samiran dan Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai.



Terbitan Terkini




SPINTRONICS: PRINCIPLES AND APPLICATIONS

Mohd Zainizan Sahdan, Norhidayah Che Ani

e-978-967-2817-64-2

RM 17.00

This book is the result of information gathering throughout the completion of works of PhD students under my supervision on course of organic solar cells. Spintronics is a recently introduced field in Malaysia and without doubt, there are so many things that are yet to be discovered and to be understood. In order to fully understand spintronic, mastery of fundamental knowledge is required. This book is a compilation of facts and information obtained by referring to various sources that are organized into chapters. The book starts with an introduction which explains the concept of spintronic through electronic spin. Requirement, concept, and contribution is also explained in the early chapter of this book. For/In the following chapter, it explains about spin dependant transport phenomena are more focused on the how spin polarization occurs. Chapter 3 implements the knowledge of material science and material engineering to produce diluted magnetic semiconductor for spintronic applications. On the end of the book chapter, the book describes how the concept of spintronic can be applied in the production of organic solar cell. It reveals that spintronic has succeeded in solving low efficiency problem in organic solar cell.



STEM DALAM PEMBELAJARAN TERADUN: SUATU PENDEKATAN PENGAJARAN ABAD KE-21

Mohd Erfy Ismail, Noor Baizura Bahrum, Mohd Ali Samsudin, Adri Nirwan Ahamad

e-978-967-2817-65-9


RM 19.00

Buku ini terhasil berdasarkan hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai pembelajaran dan pengajaran yang mengikut arus perkembangan semasa dan diwarnai dengan kemajuan dari segi teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya bidang STEM di Malaysia kepada para pendidik, murid dan juga ibu bapa. Sejalan dengan kehendak pendidikan abad ke-21 dan atas kesedaran bahawa masih ramai lagi golongan guru dan murid di luar sana yang kurang pasti mengenai Pembelajaran Teradun yang boleh membantu pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih berkesan dan efektif.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030